

PEPERIKSAAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK) - STAF PENTADBIRAN

Unit Latihan Jabatan Pendaftar -PEND

Telah Dihantar: 05 Oktober 2011 9:00**Kepada:** UUM - All Staff**Lampiran-lampiran:**  [borang_exam_bitk.pdf \(813 KB\)](#) [Buka sebagai Halaman Web];  [silibus_bitk.pdf \(2 MB\)](#) [Buka sebagai Halaman Web];

Jabatan Pendaftar

"KEDAH SEJAHTERA"

UUM/PEN/P-32/5

05 Oktober 2011

Semua

Penolong Naib Canselor/Ketua Jabatan/Pengarah
Jabatan/Pusat/Institut
Universiti Utara Malaysia

YBhg. Dato'/Tuan/Puan

PENGUMUMAN PEPERIKSAAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK) BAGI PEMBANTU AKAUNTAN, PEMBANTU TADBIR KEWANGAN DAN PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) (PT P/O) YANG MENJALANKAN TUGAS KEWANGAN SEPENUH MASA

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa peperiksaan tersebut akan di adakan pada **13 Disember 2011**. Peperiksaan ini layak dipohon oleh Pembantu Akauntan (PA), Pembantu Tadbir (Kewangan) [PT (Kew)], Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan yang lebih rendah dari PA, PT(Kew) dan PT(P/O) yang menjalankan tugas kewangan dan menerima BITK RM 40.00 sebulan. Bersama-sama ini disertakan borang permohonan dan sukatan peperiksaan untuk tindakan tuan/puan.

Calon-calon yang layak dan berminat hendaklah mengisi borang permohonan dengan lengkap dan kemukakan ke Unit Peperiksaan, Jabatan Pendaftar selewat-lewatnya sebelum atau pada **23 Oktober 2011** untuk proses penghantaran ke Urusetia Peperiksaan BITK IPTA, UiTM. Permohonan yang lewat diterima dari tarikh yang ditetapkan akan ditolak.

Sehubungan itu, saya memohon jasa baik YBhg. Dato'/Tuan/Puan agar dapat menghebahkan perkara ini kepada semua kakitangan di bawah pengawasan YBhg. Dato'/Tuan/Puan.

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada En. Muzamil b. Mahmud ditalian 3047 @ Pn. Khalijah bt. Ahmad ditalian 4179.

Sokongan dan perhatian YBhg. Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menjalankan tugas

t.t

(MUZAMIL B. MAHMUD)

Penolong Pendaftar

b.p Pendaftar

Tel :04-9283047/ Faks : 04-9284187

Emel : muzamil@uum.edu.my